

02/05/2001

Pembohongan dan fitnah zaman `Tata Dunia Baru'

Kassim Ahmad

AHLI politik patut tahu bahawa dunia, kira-kira pada dekad akhir abad ke-20 memasuki satu zaman baru, iaitu zaman `Tata Dunia Baru' kaum Anglo-Saxon. Dengan perkataan lain, ia sebuah empayar baru kaum oligarki Inggeris-Amerika dengan sistem "demokrasi-pasaran bebas" sebagai falsafah rasmi. Ini berlaku selepas runtuhnya sistem dan falsafah komunisme yang menjadi saingan dan lawannya selama lebih empat dekad.

Dalam empayar baru ini, jika siapa menentang falsafah dan sistem ini dianggap terkeluar dan `murtad' daripada sistem ini dan boleh dihukum. Demikianlah Iraq dan beberapa negara lain yang menentanginya dihukum. Russia, yang masih satu kuasa besar dan Anggota Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), tidak lagi dianggap pesaing dan musuh, malah hendak dihisap masuk ke dalam sistem `demokrasi-pasaran bebas' ini sepenuhnya, tetapi gagal. China juga kuasa besar dan Anggota Tetap Majlis Keselamatan dan tidak boleh diapa-apakan seperti Iraq.

Namun, sistem kapitalis `pasar bebas', seperti juga sistem komunis dulu, sebuah sistem yang mempunyai kontradiksi dalaman yang tidak boleh diselesaikan. Oleh itu, sistem kapitalis ini sedang runtuh dan keruntuhannya lebih dahsyat. Oleh kerana kaum oligarki Inggeris-Amerika tidak rela melihat sistem mereka runtuh kecuali seluruh dunia runtuh bersama-sama mereka, penindasan yang hebat dalam sistem ini serta penentangan terhadapnya menyebabkan zaman ini penuh dengan kacau-bilau dan huru-hara.

Dalam konteks global inilah harus kita lihat apa yang sedang berlaku di Malaysia. Datuk Seri Anwar Ibrahim, pencetus gerakan reformasi dan pengilham Parti Keadilan Nasional (Keadilan), setelah disingkir daripada kerajaan dan Umno, bukanlah seorang ahli politik dan pemimpin yang hebat mana. Peningkatannya yang begitu cepat dalam Umno dan kerajaan, lebih-lebih kerana pertolongan dan restu Dr Mahathir Mohamad, bapa dan mentor politiknya, mengikut pengakuannya sendiri, daripada kebolehnya.

Namun, dia berjaya menyebabkan huru-hara politik di negara kita sejak penyingkirannya. Tunjuk perasaan antikerajaan dan anti-Mahathir, yang kerap kali merosot menjadi rusuhan, kerap berlaku di ibu kota. Perbicaraan beliau di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, dengan dibela oleh sembilan peguam Malaysia yang handal, mengambil masa lama dan mendapat liputan luar dan dalam negara yang meluas. Nampaknya, beliau juga telah berjaya mencetuskan satu sentimen anti-Mahathir di kalangan sebahagian rakyat kita dari semua kumpulan. Sama ada sentimen ini akan ditunjuk pada undi pilihan raya akan datang atau tidak ialah perkara lain. Di Sabah, sentimen ini tidak ditunjukkan dalam undi.

Namun, kita harus cuba memahami `kejayaan' Anwar. Semua orang boleh nampak, sejak ucapan antipasaran bebas beliau di Hong Kong pada Julai 1997, kaum penjajah baru Inggeris-Amerika Syarikat tidak suka kepada Dr Mahathir dan mahu beliau digantikan Anwar. Media utama mereka memperleceh Dr Mahathir dan menyanjung Anwar. Pemimpin mereka memperleceh Dr Mahathir dan memuji Anwar. Kita harus sedar bahawa kaum penjajah baru ini menggunakan cara yang halus dan tidak mudah kita nampak. Media utama mereka, atas nama kebebasan bersuara menjadi alat mereka yang penting, kerana tuan punya media utama adalah anggota oligarki ini.

Mereka juga menggunakan badan awam atau apa yang dipanggil badan bukan kerajaan (NGO), seperti Heritage Foundation, Club of the Isles, Club of Rome, Council of Foreign Relations, Open Society Institute, World Wildlife

Fund, Human Rights Watch, Transparency International dan banyak lagi badan yang menjaga dan mendukung kepentingan kaum oligarki di seluruh dunia. Mereka menggunakan isu seperti demokrasi, hak asasi, korupsi, pemuliharaan alam sekitar dan mengawal pertumbuhan penduduk untuk menghalang kemajuan ekonomi dan sains Dunia Ketiga bagi mengekal penguasaan mereka ke atas negara Dunia Ketiga.

Kita melihat bagaimana mereka menggunakan media utama dan NGO untuk menentang kerajaan yang dipimpin Dr Mahathir dan menyokong gerakan reformasi Anwar. Pemimpin mereka sendiri, Al-Gore, Madeline Albright dan William Cohen, memberi sokongan terbuka kepada Anwar. Inilah kekuatan Anwar yang utama. Kekuatan ini agak sukar kita banteras dalam masa singkat, walaupun tidak mustahil untuk dibanteras.

Dalam pada itu, Dr Mahathir adalah seorang pembaharu agama atau mujaddid dan Pas sebagai sebuah parti Islam yang ortodoks, tidak dapat menerima pandangan beliau yang ingin memodenkan fahaman agama masyarakat Islam Malaysia. Walaupun pandangan agama Dr Mahathir mendapat pengiktirafan masyarakat Islam antarabangsa, Pas tidak mengiktiraf hal ini. Bersama-sama dengan satu kumpulan ulama yang sealiran dengan mereka, Pas mengeksploitasi isu ini untuk menentang Mahathir. Anehnya, dalam hal ini, Pas dan kumpulan ulama ini mendapati diri mereka di sebelah kaum penjajah baru Inggeris-Amerika dan bersekongkol dengan mereka untuk menggulingkan kerajaan!

Dua faktor ini - penentangan kaum penjajah baru dan persekongkolan kaum agama ortodoks dengan mereka - menyebabkan kegawatan politik yang berlaku sekarang. Kegawatan politik ini boleh kita atasi. Gerakan reformasi Anwar tidak akan berjaya, kerana ia tidak mempunyai asas perjuangan, kecuali kemarahan dan kekecewaan seorang bekas pemimpin. Ia juga tidak mempunyai tokoh politik yang berpengalaman dan dihormati. Ombak penjajahan baru Inggeris-Amerika juga tidak boleh bertahan, kerana ia sedang berada dalam keadaan sakratul-maut. Ia akan terkubur sama dengan terkuburnya sistem 'pasaran bebas'.

Pengaruh fahaman ortodoks Pas akan mengambil sedikit masa untuk diatasi kerana ini berasaskan agama, tetapi fahaman ini terbatas di kalangan kecil masyarakat Melayu sendiri. Kebanyakan orang Melayu boleh menerima konsep pemodenan dan mahukan pemodenan masyarakat. Dalam hal ini, masyarakat Melayu mesti dibawa kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dalam al-Quran. Prinsip tauhid, persaudaraan orang mukmin, persamaan manusia, kebebasan untuk menyerukan kebaikan dan melarang kejahatan, keadilan dalam pemerintahan, penentangan terhadap pencerobohan, pembangunan individu dan masyarakat, pembangunan ekonomi, sosial dan sains, dan pembangunan tamadun yang diajar dalam al-Quran akan menjadi perangsang dan pedoman. Seperti yang ditegaskan dalam al-Quran, ajaran ini akan mengeluarkan manusia daripada kegelapan kepada cahaya.

Mengapakah fenomena seperti Arqam boleh berlaku di Malaysia? Jawapan yang jelas ialah kerana sesetengah rakyat kita mudah menerima khurafat yang dibaluti baju agama. Adalah khurafat untuk mempercayai bahawa seseorang boleh berdialog dengan orang yang telah mati. Juga sesetengah masyarakat kita taksub dan taklid kepada pemimpin agama. Masyarakat yang faham ajaran al-Quran serta berpegang teguh dengan ajaran itu tidak akan terjerumus ke lembah ini. Oleh itu, pemimpin kita mesti menyeru supaya rakyat kita membaca, memahami dan mengikut al-Quran.

Tindakan yang diambil oleh kerajaan sejak September tahun lalu untuk memulihkan ekonomi kita sedang membuahkan hasil. Namun, kita harus ingat bahawa kita hidup dalam lautan 'pasaran bebas', kita tidak boleh bertahan lama dalam sebuah pulau di lautan itu. Kita perlu memperluaskan pulau kita supaya ia menjadi benua, dan kemudian menjadi dunia baru yang mana sistem kewangan dan ekonomi adalah untuk kebaikan manusia, bukan untuk

kepentingan segelintir, seperti sekarang. Ini bermakna kita mesti terus memperjuangkan, bersama negara seperti China, India, Russia dan lainnya supaya sistem kewangan dan ekonomi dunia diubah menjadi sebuah sistem yang adil.

Sistem politik dan pentadbiran kita juga patut diperbaiki supaya parti politik kita dapat berjuang dan bergerak untuk kepentingan rakyat dan bangsa, bukan untuk kepentingan kaum elit atau puak. Parti pemerintah dan pembangkang (ini konsep politik Barat kerajaan/pembangkang) patut mencari suatu formula untuk bekerjasama bagi kepentingan rakyat dan bangsa. Mereka juga patut mewujudkan satu falsafah politik nasional yang boleh menggembelngkan tenaga kreatif rakyat untuk membangunkan bangsa. Satu cara mesti dicari untuk mengatasi fahaman yang mundur dan beku dalam masyarakat, khasnya masyarakat Melayu, supaya sepenuh tenaga kreatif rakyat digembelngkan untuk pemodenan dan pembangunan.

Kita harus ingat bahawa manusia dijadikan Tuhan sebagai khalifah, yakni raja. Dia mempunyai kemampuan untuk menundukkan dunia dan alam kepada kehendaknya, tetapi sebelum layak untuk berbuat demikian, dia mestilah berilmu dan berakhlak. Tanpa ilmu, dia tidak boleh menundukkan alam, tanpa akhlak dia tidak boleh menjadi pemerintah yang adil. Cuba lihat kaum penjajah Inggeris-Amerika sekarang. Mereka mempunyai sains dan teknologi yang boleh menundukkan alam, tetapi akhlak mereka yang jahat telah merosakkan sistem mereka sendiri. Sistem mereka akan terkubur dan sebuah sistem lain yang adil akan muncul untuk menggantikan sistem itu. Inilah sistem Tuhan yang tidak bertukar.

Jika kita rakyat Malaysia faham perkara ini, kita akan dapat mengatasi masalah sekarang dengan cepat. Jika sebilion umat Islam faham perkara ini, mereka akan menguasai dunia semula. Rancangan Tuhan tidak boleh digagalkan. Sama ada umat Islam berbalik kepada ajaran Islam yang sebenar dalam al-Quran dan keluar daripada kegelapan yang menyelubungi mereka sekarang kepada cahaya, atau Tuhan menggantikan mereka dengan bangsa lain yang sanggup berbuat demikian. Ini seperkara yang mudah bagi Tuhan. Falsafah kedua-dua kumpulan penjajah dan kaum agama yang opportunistik tidak boleh kita pakai sebagai panduan hidup. Kita mesti berbalik kepada falsafah hidup yang diajar oleh Tuhan kepada kita dalam al-Quran. Inilah jalan selamat bagi kita dan inilah jalan yang harus kita ikut mulai sekarang.

(END)